



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM, KPM

PKP/PKPB/PKPP

1. **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya calon tidak dapat menduduki peperiksaan kerana diarah kuarantin selama 14 hari disebabkan COVID-19 ?**

Calon perlu memaklumkan ketidakhadiran secara bertulis kepada urus setia peperiksaan di alamat e-mel sisppa@moe.gov.my. Calon juga dinasihatkan untuk melaksanakan pendaftaran peperiksaan untuk sesi peperiksaan yang berikutnya.

2. **Jika Kerajaan melaksanakan PKP/ PKPB/ PKPP adakah jadual peperiksaan akan berubah?**

Calon dinasihatkan untuk sentiasa menyemak Portal Rasmi KPM dan laman sesawang SisPPA 2.0 untuk mendapatkan maklumat peperiksaan yang terkini.

3. **Adakah peperiksaan perkhidmatan awam KPM akan dilakukan secara dalam talian jika berlaku larangan merentas daerah/negeri?**

Peperiksaan masih dijalankan secara bersemuka mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekiranya pusat peperiksaan calon terletak di daerah yang berlainan dengan tempat kediaman, calon perlu memastikan kepatuhan kepada arahan terkiri yang dikeluarkan oleh Kerajaan berhubung kebenaran merentas daerah atau berhubung terus dengan pihak MKN untuk maklumat lanjut.

Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam (SisPPA) Versi 2.0

4. **Apakah yang patut dilakukan oleh calon yang hendak membuat pendaftaran peperiksaan melalui SisPPA 2.0 tetapi bertugas di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan atau akses kepada internet?**

Calon-calon yang terlibat boleh memohon melalui kaedah berikut:

- i) Calon boleh mendaftar sendiri dengan menggunakan kemudahan internet yang ada di fasiliti yang berhampiran (contohnya di sekolah, PPD atau *cybercafé*); atau
- ii) Mengisi borang permohonan secara manual dan dikemukakan kepada pegawai penyelarasan di PPD/ JPN untuk didaftarkan.

5. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam KPM melalui SisPPA 2.0?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman sesawang Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam (SisPPA 2.0) <http://sisppa.moe.gov.my/>. Calon boleh merujuk kepada Manual Pengguna yang boleh dimuat turun daripada SisPPA 2.0 sebagai panduan untuk memohon dan mendaftar peperiksaan.

6. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon baharu yang mengalami masalah log masuk (AKAUN TIDAK SAH) ketika ingin mendaftar pada SisPPA 2.0?

Calon baharu perlu mengemukakan emel kepada Pentadbir Sistem Negeri masing-masing seperti senarai nama pegawai pada ruangan "Hubungi Kami" di laman sesawang SisPPA 2.0 dengan memberikan butiran peribadi yang lengkap iaitu Nama Penuh, No. Kad Pengenalan dan Jawatan.

7. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon sedia ada/mengulang yang telah mendaftar dalam SisPPA 1.0 tetapi tidak dapat akses masuk SisPPA 2.0?

Calon perlu log masuk dalam SisPPA 2.0 dengan menggunakan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang sama yang digunakan dalam SisPPA 1.0 dan tidak perlu untuk mengisi ruang e-mel. Sistem akan menyatakan bahawa calon perlu menukar kata laluan yang baru. Setelah membuat pertukaran tersebut, calon boleh log masuk dalam sistem semula dengan menggunakan Kata Laluan yang baru. Sekiranya masih gagal, calon dimohon untuk berhubung dengan Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) seperti senarai nama pegawai pada ruangan "Hubungi Kami" di laman sesawang SisPPA 2.0.

8. Apa yang perlu dilakukan oleh calon sekiranya terlupa kata laluan SisPPA 2.0?

Calon perlu klik Lupa Kata Laluan pada Log Masuk Pengguna. Seterusnya, calon perlu mengisi maklumat seperti No. Kad Pengenalan dan e-mel kemudian klik Hantar. Kata Laluan akan dihantar ke emel peribadi calon yang telah diisi oleh calon dalam Maklumat Peribadi semasa membuat permohonan awal di laman sesawang SisPPA 2.0.

9. Apakah yang perlu dilakukakan sekiranya calon sedia ada/mengulang dalam SisPPA 1.0 yang hendak membuat semakan keputusan peperiksaan terdahulu?

Semua calon sedia ada/mengulang perlu melengkapkan urusan pendaftaran dalam SisPPA 2.0 terlebih dahulu (rujuk **Perkara 7**) untuk membolehkan fungsi Semakan Keputusan Peperiksaan diaktifkan bagi membolehkan calon untuk menyemak keputusan peperiksaan yang lalu.

10. Apa yang perlu dilakukan oleh calon sekiranya ingin mengemaskini maklumat peribadi dalam SisPPA 2.0

Calon boleh mengemaskini sendiri semua maklumat peribadi **KECUALI** No. Kad Pengenalan dan butiran perkhidmatan sekarang, yang boleh diakses melalui Modul Calon setelah log masuk dalam SisPPA 2.0. Sekiranya calon perlu membuat pembetulan bagi No. Kad Pengenalan dan Jawatan, calon perlu menghantar emel kepada Pentadbir Sistem Negeri masing-masing seperti senarai nama pegawai pada ruangan “Hubungi Kami” di laman sesawang SisPPA 2.0, untuk tindakan pengemaskinian maklumat dalam sistem

11. Bolehkah calon yang telah tersalah mendaftar kertas peperiksaan menukar kertas peperiksaan tersebut?

Calon boleh melaksanakan pertukaran pendaftaran kertas peperiksaan **sebelum tarikh tutup permohonan untuk peperiksaan berkenaan**. Sekiranya kesilapan mendaftar kertas peperiksaan hanya disedari selepas tarikh tutup permohonan, calon perlu menghubungi urus setia BPSM untuk tindakan pembetulan.

12. Bagaimanakah penetapan pusat peperiksaan calon dilaksanakan?

Penetapan pusat peperiksaan seseorang calon adalah mengikut alamat tempat bertugas iaitu di pusat peperiksaan yang berhampiran dengan tempat bertugas calon. Calon hanya dibenarkan untuk membuat pemilihan pusat peperiksaan di dalam Negeri tempat bertugas sahaja. Oleh itu, calon diingatkan supaya mengisi dengan betul dan tepat mengenai maklumat tempat bertugas dalam SisPPA 2.0. Sebarang permasalahan mengenai pusat peperiksaan dalam negeri bertugas, calon boleh menghubungi Pentadbir Sistem Negeri masing-masing seperti senarai nama pegawai pada ruangan “Hubungi Kami” di laman sesawang SisPPA 2.0.

13. Bolehkah calon memohon pertukaran pusat peperiksaan?

Pertukaran pusat peperiksaan yang melibatkan antara negeri hanya dipertimbangkan dengan alasan munasabah iaitu disebabkan urusan kecemasan atau rasmi sahaja yang akan diluluskan oleh BPSM. Calon boleh mengemukakan permohonan dalam SisPPA 2.0 **selewat-lewatnya satu (1) minggu** sebelum tarikh peperiksaan berlangsung. Bagi pertukaran pusat peperiksaan dalam negeri, calon boleh berhubung dengan Pentadbir Sistem Negeri masing-masing seperti senarai nama pegawai pada ruangan “Hubungi Kami” di laman sesawang SisPPA 2.0.

14. Bilakah tiket peperiksaan akan dikeluarkan?

Tiket peperiksaan akan terus boleh dijana secara automatik setelah pendaftaran peperiksaan berjaya diselesaikan melalui SisPPA 2.0. Calon perlu menyemak semula butiran peperiksaan dalam tiket peperiksaan dan membuat cetakan tiket peperiksaan dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan. Calon perlu mencetak semula tiket peperiksaan yang terkini sekiranya terdapat sebarang pertukaran maklumat peribadi atau pertukaran pusat peperiksaan yang telah diluluskan dalam SisPPA 2.0. Tiket peperiksaan yang telah disahkan betul dan dicetak **hendaklah dibawa bersama** semasa menghadiri peperiksaan di pusat peperiksaan yang ditetapkan.

15. Bilakah keputusan peperiksaan akan dikeluarkan?

Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) bulan (hari bekerja) selepas tarikh akhir peperiksaan diadakan. Calon boleh menyemak dan mencetak slip keputusan peperiksaan melalui SisPPA 2.0 untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebagai salah satu dokumen rasmi bagi urusan pengesahan dalam perkhidmatan.

Peperiksaan Perkhidmatan Awam KPM

16. Apakah tujuan Peperiksaan Perkhidmatan Awam diadakan?

Tujuan Peperiksaan Perkhidmatan Awam diadakan adalah sebagai memenuhi keperluan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dalam skim perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik untuk tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan. AKP dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam sebagai salah satu syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan bagi tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan.

17. Apakah syarat-syarat menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam?

AKP yang ingin menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam hendaklah memenuhi syarat -syarat seperti berikut:

- i. telah dilantik **SECARA TETAP** ke skim perkhidmatan sekarang;
- ii. berada dalam tempoh percubaan; dan
- iii. diperakukan oleh Ketua Jabatan.

18. Berapakah kekerapan Peperiksaan Perkhidmatan Awam dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?

Peperiksaan Perkhidmatan Awam dilaksanakan sebanyak dua (2) sesi setahun sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Peperiksaan yang dimuat naik oleh BPSM dalam laman sesawang SisPPA 2.0. Walau bagaimanapun, jadual peperiksaan sebenar adalah tertakluk kepada sebarang perubahan yang akan dimaklumkan oleh BPSM dari masa ke semasa.

19. Bilakah calon boleh membuat permohonan pendaftaran Peperiksaan Perkhidmatan Awam?

Permohonan pendaftaran boleh dilaksanakan melalui SisPPA 2.0 sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Hebahan tarikh permohonan pendaftaran peperiksaan akan dilaksanakan melalui Portal Rasmi KPM dan laman sesawang SisPPA 2.0.

20. Berapakah kertas peperiksaan yang perlu diambil oleh calon Peperiksaan Perkhidmatan?

Calon perlu mengambil semua kertas peperiksaan berdasarkan jawatan dan sukatan peperiksaan yang ditetapkan. Calon boleh merujuk laman sesawang SisPPA 2.0 untuk maklumat lanjut mengenai sukatan dan kertas peperiksaan yang perlu diambil mengikut skim perkhidmatan masing-masing.

21. Adakah calon mesti menduduki semua kertas peperiksaan yang belum lulus pada satu-satu peperiksaan?

Ya. Calon perlu memastikan semua kertas yang belum lulus diambil pada satu-satu tempoh peperiksaan. Calon yang tidak mengambil semua peperiksaan yang telah disyaratkan adalah dianggap sebagai tidak hadir bagi setiap kertas peperiksaan yang tidak diduduki. Sekiranya calon disyaratkan untuk mengambil dua (2) kertas peperiksaan bilamana satu (1) kertas telah berstatus lulus manakala satu (1) lagi kertas berstatus gagal/belum lulus, calon hanya perlu menduduki kertas peperiksaan yang belum lulus sahaja pada satu-satu peperiksaan.

22. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon sekiranya masih lagi gagal/ belum menduduki peperiksaan dan akan mencapai tempoh matang pengesahan dalam perkhidmatan iaitu tiga (3) tahun?

Calon perlulah memaklumkan kepada JPN dan mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh percubaan melalui Ketua Jabatan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik.

23. Bagaimanakah calon boleh mendapatkan bahan bacaan dan sukatan peperiksaan perkhidmatan awam?

Calon boleh memuat turun bahan bacaan dan sukatan peperiksaan perkhidmatan awam melalui laman sesawang SisPPA 2.0 pada pautan berikut <https://sisppa.moe.gov.my/MuatTurun> sebagai rujukan semasa peperiksaan.

24. Bolehkah calon mendapatkan skema jawapan bagi soalan Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang lepas?

Tidak dibenarkan. Ini kerana skema jawapan tersebut adalah dokumen terperingkat Kerajaan yang berstatus **SULIT**.

25. Adakah calon boleh membuat rujukan semasa peperiksaan?

Calon hanya dibenarkan membuat rujukan semasa peperiksaan bagi kertas peperiksaan tertentu sahaja seperti yang dinyatakan dalam sukatan peperiksaan perkhidmatan awam (rujuk **Perkara 20** untuk senarai peperiksaan).

26. Adakah BPSM menyediakan bahan rujukan fizikal semasa peperiksaan berlangsung?

Tidak. BPSM hanya menyediakan sukatan peperiksaan yang mengandungi senarai rujukan yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang SisPPA 2.0 (rujuk **Perkara 23**). Calon perlu membawa sendiri bahan rujukan yang diperlukan semasa peperiksaan.

Pertanyaan Lanjut

Sebarang pertanyaan lanjut, calon boleh berhubung dengan Pegawai Penyelaras Peperiksaan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing seperti senarai pada ruangan “Hubungi Kami” di laman sesawang SisPPA 2.0 atau urus setia BPSM mengikut skim perkhidmatan seperti berikut:

SKIM PERKHIDMATAN	URUS SETIA BPSM	EMEL/ NO. TELEFON
Pembantu Makmal	Puan Nur Hazmimifiza binti Ishak	hazmimifiza@moe.gov.my 03-88847284
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	En.Nurul Amin bin Abdul Karim	amin.abd@moe.gov.my 03-88847289
Pembantu Tadbir (Kewangan)		
Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah)	Pn. Nooraishah binti Shamsuddin	nooraishah.shamsudin@moe.gov.my 03-88847289
Pembantu Pengurusan Murid (Khas)		
Penyelia Asrama	En. Mohd Shahrul Arif bin Kamarudin	shahrul.arif@moe.gov.my 03-88847284
Pembantu Pengurusan Murid (Asrama)		

Disediakan oleh:

**Unit Peperiksaan Perkhidmatan
Cawangan Latihan dan Kompetensi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia**